

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search ▾

Home > Berita Harian > 2 August 1981 > Page 1 > Harun berhasrat utk kembali giat dlm Umno

Harun berhasrat utk kembali giat dlm Umno

Berita Minggu, 2 August 1981, Page 1

Article also available on Microfilm Reel NL11221

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

Harun berhasrat utk kembali giat dlm Umno

BEKAS Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Idris, berkata, beliau akan menghantar surat rayuan kepada Menteri Dalam Negeri, Datuk Musa Hitam bagi membolehkan beliau memegang jawatan Naib Presiden Umno.

Datuk Harun telah dibebaskan dari Penjara Pudu, kira-kira 12.00 tengahmalam tadi selepas Lembaga Pengampunan Wilayah Persekutuan yang dipengerusikan oleh Yang Dipertuan Agung memutuskan untuk mengurangkan hukumannya.

Datuk Harun sepatutnya dibebaskan pada Feburari tahun depan tetapi disebabkan rayuan pengampunan dibuat maka Seri Paduka berkenaan mengurangkan hukuman tersebut.

Kunjungi

Bercakap kepada para pemberita di rumahnya di Jalan Duta selepas mengunjungi Tunku Abdul Rahman, bekas Perdana Menteri Malaysia, hari ini, beliau berkata, "Saya hanya menghantar surat rayuan tersebut selepas mengkaji surat pendaftar pertubuhan yang bertarikh 24 Julai."

Pendaftar Pertubuhan telah menolak surat

Information

Newspaper:
Berita MingguDate:
2 August 1981Reel Number:
NL11221

Scroll to Top

Share

Table of Contents

< Previous Page 1 ▾ Next >

Nama Akhbar

Berita Minggu MINCCUAN BERBAHASA MELAYU
YANC TUNCCAL DI SINGAPURA NO 1012 AHAD, 2

SIKAP RINGAN IBUBAPA DIBIMBANG

SIKAP RINGAN IBUBAPA DIBIMBANG Soal ambil
penjaga anak tak difikir dalam2 TIDAK mengambil berat

Hanya tanda gelisah

Hanya tanda gelisah KUALA LUMPUR. Perpindahan
beramai-ramai di kalangan orang-orang Cina ke parti-

Ashura... (text partially obscured)

View Full Table of Contents >

rayuan Datuk Harun yang memohon beliau dikecualikan bagi membolehkan beliau memegang jawatan naib presiden Umno. Datuk Harun menang jawatan tersebut dengan mendapat 757 undi dalam perhimpunan agung parti itu, Jun lalu.

Beliau berkata, meskipun beliau mengharap diampunkan tetapi, "Saya

KUALA LUMPUR, Sabtu

puas hati dengan pengurangan hukuman penjara sekarang ini."

"Saya berharap ini sebagai langkah pertama untuk diampun sepenuhnya," kata beliau dengan penuh harapan dan serius.

Datuk Harun yang nampak sihat dan bertenaga menerangkan bahawa beliau memang mengharapkan pengampunan bagi membolehkan beliau bergiat semula dalam pertubuhan sukarela.

Bergiat

Mengenai masa depan politiknya Datuk Harun berkata, beliau memang mahu memberi sumbangan kepada parti, bangsa, agama dan negara jika rakyat menginginkan demikian.

Tetapi, katanya, sekarang ini beliau mahu berhat dulu dan akan bergiat semula pada masa masa akan datang.

Beliau lalu mengucapkan terima kasih kepada perwakilan Umno yang telah mengundinya dan berkata, "saya sungguh puas hati dengan undi yang saya perolehi tempoh hari," katanya.

Datuk Harun sejak malam tadi tidak putus-putus menerima panggilan telefon dan telegram dari ramai ahli-ahli Umno dari seluruh pelusuk negara mengucapkan selamat kembali ke pangkuan masyarakat.

Sementara itu, Tunku Abdul Rahman melahirkan harapan agar Kerajaan menimbang semula kedudukan Datuk Harun dan memberikan pengampunan penuh kepadanya.

Tunku telah mengusahakan pengampunan Datuk Harun hingga membolehkan beliau dibebaskan dari tahanan semalam.

Bercakap kepada para pemberita selepas pertemuannya dengan Datuk Harun, Tunku menjelaskan bahawa beliau telah menasihatkan rakannya itu supaya bersabar dan

bertenang.

"Saya telah menasihatkan Datuk Harun agar duduk diam-diam, berihat sementara usaha-usaha terus kami jalankan demi mendapatkan pengampunan penuh," ujar beliau.

Datuk Senu Abdul Rahman, seorang tokoh veteran Umno pula berkata, beliau percaya kerajaan di bawah pimpinan Dr Mahathir Mohamed akan memberikan peluang kepada Datuk Harun untuk memegang jawatan yang dimenangnya itu.



● Datuk Harun menemui Tunku Abdul Rahman sejurus selepas dibebaskan.

Related Articles

Harun bebas dim dua minggu: Akhbar
Berita Harian 20 May 1981

Harun bebas dim dua minggu: Akhbar
AFP KUALA LUMPUR, Selasa. Bekas

Malaysia mahu Datuk Harun diampun
Berita Harian 19 May 1981

Malaysia mahu Datuk Harun diampun
ingKan NST. KUALA LUMPUR, Isnin.

Harun mesti sabar -Tunku
Berita Harian 17 August 1981

Harun mesti sabar -Tunku TUNKU Abdul
Rahman semalam berkata bahawa Dat...

National Library Board

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2023 Government of Singapore
Last Updated 2019-10-29